



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# ***KENYATAAN MEDIA***

---

## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KERJA RAYA**

### **SPEKULASI JAMBATAN SULTAN YAHYA PETRA BERGOYANG DAN SALAH SATU CROSSHEAD TERGELINCIR:**

Merujuk kepada dakwaan bahawa Jambatan Sultan Yahya Petra di Kota Bharu, Kelantan telah tergelincir daripada tiang asal dan telah tersebar di media sosial akhir ini, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melakukan penyiasatan dan hasil pemeriksaan didapati tiada sebarang gelinciran berlaku pada Jambatan tersebut.

Bahagian *crosshead* tiang sambut yang dimaksudkan (rujuk gambar lampiran) memang dibina lebih lebar daripada yang lain dan direkabentuk tanpa *Pile Cap* dengan cerucuk dipanjangkan hingga ke *Pier Head*. Ini bertujuan untuk meminimumkan masalah hakisan di Sungai Kelantan.

Rekabentuk ini menyebabkan berlaku pergerakan lebih besar di antara lantai jambatan (*deck slab*) apabila terkena hentakan yang mana ia tidak membahayakan, malah lebih kukuh daripada biasa dengan penambahbaikan rekabentuk cerucuk jambatan tersebut.

Tiada isu gelinciran yang berlaku terhadap jambatan berkenaan, bagaimanapun, kumpulan pakar JKR Malaysia dan JKR Kelantan akan melakukan pemantauan berterusan bagi memastikan jambatan berada dalam keadaan baik dan selamat.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**27 DISEMBER 2014**




**10.15 PAGI**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  [pro@kk.gov.my](mailto:pro@kk.gov.my)